

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : YB TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM  
(PASIR GUDANG)**

**SOALAN NO. 175**

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sama ada Kerajaan ingin menyertakan klausa "ataupun caruman untuk 100 bulan ke atas" selepas ayat "tidak kurang daripada satu pertiga bulan" dalam Seksyen 17(3) Akta PERKESO.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, Kerajaan menerusi PERKESO telah membuat pindaan Seksyen 17(3), Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 berkuatkuasa pada 1.1.1992. Pindaan tersebut adalah .....

*“dengan syarat bahawa jumlah bilangan caruman bulanan yang dibayar dalam tempoh tersebut di atas hendaklah sekurang-kurangnya **dua puluh empat**”*

2. Di mana **sebelum pindaan ini adalah tiga puluh enam**. Pindaan kepada Seksyen 17(3) ini bertujuan untuk **melonggarkan syarat kelayakan Orang Berinsurans**. Sehubungan dengan itu, buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk membuat pindaan terhadap Seksyen 17(3) yang sedia ada. Walau bagaimanapun Kerajaan menerusi PERKESO akan meneliti dengan lebih lanjut dan terperinci rasional dan kebolehlaksanaan saranan YB Pasir Gudang kerana ia perlu dilihat secara menyeluruh kesan kepada kemampuan dana PERKESO dan keperluan sebenar perlindungan keselamatan sosial di negara ini.